



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

19 Mac 2021
5 Syaban 1442h

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• Habitat penyu diancam kepupusan• Aktiviti 'penyu terbang' tindakan kejam
Berita Harian	<ul style="list-style-type: none">• Pembersihan kesan minyak dijangka ambil masa 2 tahun
Harian Metro	<ul style="list-style-type: none">• 4 bot nelayan asing jadi tukun tiruan
Kosmo !	
Sinar Harian	
The Star	
New Straits Time	
Nanyang Siang Pau	
Malaysia Gazette	
Harakah	
Malaysia Dateline	
Bernama	
See Hua Daily News (Kuching)	
Guan Ming Daily	
Sin Chew Daily	

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU			10	19/03/2021
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL					

10

UTUSAN MALAYSIA
JUMAAT • 19 MAC 2021

Dalam Negeri

Habitat penyu diancam kepupusan

Oleh ROSALINDA MD.SAID
rosalinda.said@mediamulia.com.my

KUALA TERENGGANU: Berapa lama mampu bertahan?

Itu persoalan berhubung sejauh mana habitat penyu dapat bertahan terutama di negeri ini yang menjadi tumpuan reptilia marin tersebut mendarat.

Ini kerana lokasi pendaratannya diancam hakisan selain dibelenggu aktiviti penyu 'terbang' atau mencuri telur, pelancongan, pencemaran plastik dan terperangkap dalam pukat.

Fenomena hakisan pantai yang menjadi masalah utama kepada keadaan tersebut menyaksikan sekurang-kurangnya enam lokasi pendaratan penyu terjejas termasuk satu daripadanya dikenal pasti kritikal.

Kajian Unit Penyelidikan Penyu (Seatru), Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bersama Jabatan Perikanan dan Dana Hidupan Liar Sedunia (WWF) mendapati, hakisan kritikal berlaku di Geliga, Kemaman dekat sini yang merupakan kawasan pendaratan penyu tertinggi di negeri ini.

Fenomena alam itu menyebabkan penghasilan telur penyu di lokasi berkenaan merosot kepada lebih 7,500 biji sepanjang musim bertelur dari



AKTIVITI 'penyu terbang' dan jualan telur secara haram mengancam spesies itu khususnya penyu belimbing.
- UTUSAN/PUQTRA HAIRRY ROSLI

April hingga Ogos, tahun lalu.

Berdasarkan statistik Jabatan Perikanan, hanya 172,831 telur penyu daripada spesies itu dihasilkan di Geliga pada 2020 berbanding 180,399 telur yang direkodkan tahun sebelumnya.

Turut berdepan nasib sama ialah di Kuala Dungun dengan kali terakhir cuma tiga sarang penyu agar ditemukan pada 2019 dan lebih membimbangkan apabila hidupan marin itu dikesan 'merajuk' sejak 2013.

Empat lokasi lain yang terlihat ialah Cakar Hutan dan Ma-

Daerah, masing-masing di Kemaman diikuti Rhu Kudung (Dungun) dan Telaga Papan (Setiu).

Pensyarah Fakulti Sains dan Sekitaran Marin UMT, Dr. Effi Helmy Ariffin berkata, hakisan bukan sahaja mengakibatkan kawasan pantai yang dahulunya landai menjadi bercerun bahkan gumuk pasir turut terhakis sehingga ketinggian dua meter.

Beliau yang juga pakar hakisan berkata, keadaan itu menyukarkan penyu atau tuntung laut mendaki membuat sarang

dan akhirnya merencatkan proses bertelur.

Katanya, kajian Kesan Perubahan Morfodinamik Pantai ke atas Kawasan Pendaratan Penyu bermula hujung tahun lalu menemukan hakisan kritikal di dua lokasi di Geliga kerana kedudukannya hampir dengan ekosistem dan pembangunan.

"Hakisan dan penimbunan pasir yang tinggi mengubah proses semulajadi pantai secara tidak langsung mengganggu pendaratan penyu.

"Penyu adalah haiwan yang

FAKTA PENYU

Program konservasi in-situ penyu (dibiarkan dalam sarang) oleh UMT di stesen Pantai Chagar Hutan pernah mendapat pengiktirafan Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).

Terengganu merupakan satu-satunya negeri yang membenarkan penjualan penyu termasuk telurnya kecuali spesies belimbing.

Seekor penyu betina boleh bertelur antara empat hingga enam kali sepanjang musim.

Tempoh pengeraman dan jantina anak-anak penyu dipengaruhi oleh suhu pasir iaitu suhu yang panas (30 darjah Celsius ke atas) akan menghasilkan anak penyu betina dan suhu sejuk (26 ke 28 darjah Celsius) pula anak penyu jantan.

sangat sensitif bukan sahaja dari segi hakisan dan gangguan manusia, bahkan perubahan pantai yang makin panjang turut memengaruhi pendaratan hidupan marin itu," katanya kepada *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA	/	KOSMO I		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

Aktiviti 'penyu terbang' tindakan kejam

KUALA TERENGGANU: Mengangkat ibu penyu dan memaksanya bertelur dalam lubang disediakan adalah antara tindakan kejam kumpulan pencuri telur yang boleh mengancam kepupusan haiwan marin berkenaan.

Aktiviti dipanggil 'penyu terbang' itu dikesan berleluasa di kawasan selatan Terengganu pada musim bertelur tahun lalu terutama di sekitar pantai yang tidak berstatus santuari atau digazetkan kepada pemajak yang sah.

Ketua Makmal Penyelidikan Luar, Unit Penyelidikan Penyu (Seatru), Institut Oseanografi dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr. Mohd. Uzair Rusli berkata, ibu penyu yang terseksa akhirnya bertelur kerana dihalang kembali ke laut.

Beliau yang berpengalaman lebih 15 tahun dalam kon-

Pendaratan penyu agar di Kuala Dungun

Tahun	Sarang	Telur
2017	88,205	571
2018	93,098	569
2019	180,399	524
2020	172,831	627

servasi penyu kesal perbuatan tidak bertanggungjawab itu masih berlarutan berikutan permintaan terhadap telur reptilia marin berkenaan di pasaran.

"Bayangkan berjam-jam ibu penyu cuba melawan untuk kembali ke laut. Penderitaan yang dilalui bukan sekadar sakit bertelur bahkan ditambah dengan sakit dipaksa bertelur.

"Sedangkan secara fitrahnya ibu penyu tidak akan bertelur jika diganggu," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Menurut Mohd. Uzair, kum-

pulan pencuri telur kebiasaannya terdiri daripada tiga orang untuk mengangkat seekor penyu yang beratnya mencecah antara 60 hingga 120 kilogram.

Katanya, penyu lazimnya bertelur antara 80 hingga 100 biji dengan setiap satunya dijual pada harga kira-kira RM3 hingga RM7 mengikut musim.

"Bagi pembeli telur penyu, apakah masih mahu menyokong aktiviti penyeksaan haiwan ini? Saya berharap pemerdagangan telur penyu di Malaysia dapat dihentikan segera," katanya.

Pendaratan penyu di Terengganu 2010-2020

Tahun	Belimbing	Agar	Karah	Lipas
2010	8	4,583	36	0
2011	0	4,255	35	0
2012	0	3,711	40	0
2013	0	7,192	28	0
2014	0	4,306	37	0
2015	0	4,937	18	0
2016	0	9,537	20	0
2017	2	3,878	9	0
2018	0	3,890	23	0
2019	0	7,913	7	0
2020	0	8,433	7	0
Jumlah	10	62,635	260	0

Pendaratan penyu agar dan tuntung laut di Geliga

Tahun	Agar		Tuntung laut	
	Sarang	Telur	Sarang	Telur
2017	924	88,205	41	571
2018	995	93,098	43	569
2019	1,947	180,399	39	524
2010	1,978	172,831	44	627

JENIS AKHBAR						MUKA SURAT	TARIKH		
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			21	19/03/2021
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY				
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI				
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL				

Hutan Simpan Tanjung Tuan tercemar

Pembersihan kesan minyak dijangka ambil masa 2 tahun

Ayer Keroh: Kerajaan negeri menjangkakan kerja pembersihan kesan minyak di Hutan Simpan Tanjung Tuan akan mengambil masa dua tahun.

Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali, berkata meskipun kerja membersihkan kawasan seluas 1.2 hektar yang terjejas akibat tumpahan minyak kapal di Selat Melaka itu sudah dilakukan pada Oktober tahun lalu, akan mengambil masa untuk dibersihkan sepenuhnya.

"Jabatan Perhutanan negeri sudah mendapat sejumlah peruntukan bagi menanam semula pokok bakau yang akan dilaksanakan selepas keadaan tanah di kawasan itu pulih. Kita dimaklumkan, kawasan Pantai Cermin di lokasi sama sudah dipulihkan daripada pencemaran dan ki-

ta dapati perkara ini dalam kawalan, tidaklah terlalu teruk atau nazak seperti dilaporkan sebelum ini," katanya pada sidang media di pejabatnya, di Seri Negeri, semalam.

BH Ahad lalu melaporkan, keadaan hutan pesisir pantai Tanjung Tuan, yang menjadi penampungan penting hakisan pantai di Melaka kini berada dalam situasi nazak dan dijangka bakal lenyap selepas sisa tumpahan minyak kapal dari Selat Melaka dikesan begitu banyak 'mendarat' dan amat sukar dibersihkan.

Ketika ini hutan di Tanjung Tuan sering kali diancam tumpahan minyak, namun kejadian Oktober lalu yang terburuk dan paling sukar dibersihkan.

Akibat insiden itu juga, kemungkinan hayat hutan itu dijangka akan berakhir

dalam tempoh terdekat ini, bersama sekurang-kurangnya 40 spesies haiwan moluska (haiwan tidak bertulang belakang seperti siput, kerang dan tiram.

Sehubungan itu, Sulaiman berkata, kerajaan negeri akan bekerjasama dengan semua agensi serta jabatan berkaitan, termasuk Kerajaan Persekutuan memastikan hidupan di pesisir pantai kembali pulih.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan negeri juga mengarahkan Tanjung Bruas Port Sdn Bhd (Tanjung Bruas Port) membayar pampasan kepada lebih 300 nelayan di Tanjung Kling yang terkesan projek penyambungan jeti pelabuhan di perairan itu serta diarah membenarkan nelayan menangkap ikan di kawasan projek itu yang hanya dilakukan hari tertentu.

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO I		THE STAR	NANYANG SIANG PAU			
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN	ORIENTAL DAILY		24	19/03/2021
HARIAN METRO	/	NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL	PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF			NEGATIF		NEUTRAL			

lokal

4 bot nelayan asing jadi tukun tiruan

Kuala Nerus: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) akan melupuskan 43 bot nelayan Vietnam yang dianggarkan bernilai RM150 juta sepanjang tahun ini.

Pengarahnya, Kepten Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, semua bot terbahit ditahan menerusi Op Naga Barat dan Op Iman pada 2018 dan 2019 yang akan ditenggelamkan di perairan Kuala Nerus untuk dijadikan tukun tiruan.

"Sepanjang tahun ini, kita akan melupuskan 43 bot nelayan Vietnam yang sudah dilucutkan oleh mahkamah.

"(Buat permulaan) hari ini (semalam) kita melupuskan empat bot manakala selebihnya akan dilakukan secara berperingkat di beberapa lokasi sekitar lima batu nautika dari kawasan pantai di sepanjang perairan negeri ini.

"Kita memilih lokasi se-



APMM Terengganu melupuskan empat bot nelayan Vietnam dengan menenggelamkannya untuk dijadikan sebagai tukun tiruan di perairan Kuala Nerus kira-kira 12 batu nautika dari Kuala Terengganu, semalam.

kitar lima batu nautika bertujuan mengelak kawasan berkenaan diceroboh nelayan pukat tunda," katanya selepas program pelupusan

bot nelayan Vietnam di sini, semalam.

Katanya, bagi mengelak berlaku pencemaran ekosistem di dasar laut, setiap bot

yang akan dilupuskan perlu mendapat kelulusan dari Institut Sumber Marin Asia Tenggara (ISMAT).

Malah, katanya, kesesua-

ian lokasi pelupusan juga akan ditentukan ISMAT.

Muhammad Suffi berkata, sepanjang tahun lalu, sebanyak 99 bot nelayan Vietnam

ditenggelamkan sebagai tukun tiruan di beberapa lokasi antaranya perairan Pulau Susu Dara di Besut dan Pulau Redang.

"Kaedah menenggelamkan bot sebagai tukun tiruan adalah satu inisiatif dalam memulihara dan menggalakkan biodiversiti marin serta simbolik kepada keseriusan APMM dalam mengesahkan pencerobohan nelayan asing di perairan negara" katanya.

Dalam perkembangan lain, pihaknya menegaskan, APMM sentiasa menegakkan kawalan perairan bagi membanteras kegiatan jenayah laut seperti penyeludupan dan pencerobohan nelayan asing.

Katanya, APMM akan terus melakukan rondaan bagi mengesan kegiatan pencerobohan nelayan asing dan aktiviti yang melanggar undang-undang di sepanjang perairan negeri ini.